

**SIARAN AKHBAR
22 DISEMBER 2020**

EKUINAS BEKERJASAMA DENGAN JABATAN PENJARA UNTUK PROGRAM *BACK-TO-SOCIETY* BERTUJUAN MEMBANTU PENGHUNI PENJARA MENYESUAIKAN DIRI SEMULA BERSAMA MASYARAKAT

Kuala Lumpur, 22 Disember 2020: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan sokongan mereka untuk **Projek PPE** (Projek) menerusi Program *Back-to-Society* di bawah **ILTIZAM**, unit Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas. Sebagai inisiatif di bawah teras Komuniti **ILTIZAM**, ia adalah satu projek untuk menghasilkan Kelengkapan Pelindung Diri (PPE) bertujuan membantu barisan hadapan perubatan dan hospital-hospital dalam pertarungan negara menentang wabak COVID-19.

Projek ini ialah usaha kolaboratif bersama Jabatan Penjara Malaysia, dibantu sama oleh Saora Industries, untuk melatih penghuni Penjara Jasin, Penjara Sungai Udang serta remaja-remaja dari Sekolah Henry Gurney bagi menghasilkan 1,000 set PPE, merangkumi penutup pakai buang, penutup kepala, kot pengasingan, dan penutup kaki.

Hizwani Hassan, Pengarah Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Ekuinas berkata, “Program *Back-to-Society* (Program) ialah usaha kami untuk membantu individu-individu yang bakal dibebaskan menyesuaikan diri semula bersama masyarakat, meningkatkan dan memperbaiki kemahiran teknikal dan insaniah. Ini juga merupakan gerak balas kami menyahut seruan Kerajaan yang berhasrat supaya lebih banyak syarikat menyokong Jabatan Penjara dan program-program pemulihan mereka. Tatkala wabak ini berterusan, memulakan Projek ini adalah tepat pada masanya kerana kami berharap untuk menghulurkan sedikit bantuan dalam meringankan beban perbelanjaan awam serta mempersiapkan barisan hadapan kita dengan segala keperluan yang mereka perlukan untuk menangani wabak ini.”

Matlamat Program ini adalah untuk memperkasa penghuni penjara dan remaja menerusi program latihan integrasi semula sosial dan pemulihan, dengan tujuan untuk meningkat dan membina keyakinan diri mereka sementara mereka beransur-ansur menyesuaikan diri semula ke masyarakat. Dimulakan secara rintis dengan projek menanam sayuran pada tahun 2019 yang telah memberi peluang kepada 100 penghuni Penjara Jasin belajar kemahiran berkebudan dan bekerja dalam kumpulan, kejayaan projek tersebut telah meyakinkan **ILTIZAM** untuk

meneruskan sokongannya untuk tahun kedua – menerusi Projek PPE. Melalui Program ini, individu-individu akan dilatih dengan latihan berasaskan kemahiran berkualiti, terutamanya kemahiran berkebun, mengukur dan melakar baju serta menjahit; dalam contoh Projek PPE, penghuni penjara dan remaja juga berpeluang untuk berbakti kepada negara ketika tempoh sukar ini.

Pengarah Penjara Negeri Melaka, Timbalan Komisioner Penjara (TKP) Tuan Ku Nawawi bin Ku Hamid berkata, “Kami berbesar hati untuk melihat syarikat-syarikat seperti Ekuinas mengambil bahagian dalam menyokong kami dengan inisiatif seperti ini, yang akan melengkapkan penghuni penjara dan remaja dengan kemahiran teknikal dan vokasional sepanjang hayat apabila mereka kembali ke pangkuan masyarakat. Projek-projek tambahan seperti Projek PPE ini juga akan membolehkan mereka untuk menjana elaun tambahan. Kami berharap dapat terus bekerjasama dengan Ekuinas untuk menyediakan bantuan yang diperlukan kepada penghuni penjara dan remaja, dan kami berharap lebih banyak organisasi akan tampil ke hadapan untuk menghulurkan bantuan serta sokongan masyarakat yang lebih meluas terhadap segmen masyarakat yang kerap terlepas pandang ini.”

Ganesh Muren, Ketua Pegawai Eksekutif Saora Industries berkata, “Ketika kami memulakan Projek ini, sukar bagi kami mendapatkan rakan kerjasama untuk membantu komuniti penghuni penjara dan remaja yang sering diabaikan ini. Kami berasa amat bertuah dan bersyukur kerana Ekuinas berminat untuk menyokong projek ini, dan kami harap dapat menghasilkan impak yang lestari bagi individu-individu terbabit. Ia adalah penting untuk kita mendengar suara dan isihati mereka, dan juga mencari jalan untuk membantu mereka memulakan kehidupan baharu. Bersama dengan rakan-rakan kerjasama kami, kami berharap untuk terus membawa perubahan positif kepada masyarakat terpinggir menerusi program atau projek yang serupa.”

Dilancarkan pada tahun 2016, ILTIZAM bersama Ekuinas ialah satu inisiatif CSR bermatlamat untuk memperkasa dan memelihara pertumbuhan masyarakat terpinggir di Malaysia. Melalui tiga teras ILTIZAM iaitu Keusahawanan, Pendidikan, dan Komuniti, Ekuinas menyediakan bantuan kepada pelbagai segmen masyarakat, termasuk usahawan Bumiputera, pelajar, perniagaan, dan masyarakat terpilih. Pada tahun 2019, ILTIZAM menyalurkan sejumlah RM8.0 juta melalui tiga terasnya, memanfaatkan 12,000 penerima di seluruh negara.

Pada awal tahun ini, Ekuinas juga telah menubuhkan Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM berjumlah RM10.0 juta untuk mengurangkan beban komuniti penjagaan kesihatan dan menyediakan bantuan kepada golongan terjejas akibat wabak COVID-19.

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009 dan ia berusaha membina syarikat terkemuka Malaysia generasi akan datang, sambil menggalakkan penjana kekayaan serta penglibatan Bumiputera secara saksama dan mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Pada tahun 2018, Ekuinas telah disenarai pendek sebagai salah satu daripada 3 Firma Asia Tenggara Terbaik Tahun ini oleh Private Equity International (PEI) Awards dan telah disenarai pendek sekali lagi untuk anugerah yang sama pada tahun 2019.

Mengenai ILTIZAM

ILTIZAM diinspirasikan daripada keazaman dan kegigihan dalam usaha merealisasikan potensi diri. ILTIZAM, seperti namanya, bertujuan mendorong mereka yang terlibat untuk membuat pembaharuan dan transformasi dalam kehidupan masing-masing. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan komuniti Bumiputera dan membantu merealisasikan potensi penuh mereka di bawah tiga tunggak utama iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

For media enquiries:

Lok Ru Jun
Klareco Communications

M: +6012-325 6949

E: RLok@klarecomms.com